

21/07/2000

Jupem agensi pertama guna e-dagang

KUALA LUMPUR, Khamis - Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem) menjadi agensi kerajaan pertama yang mengadakan perniagaan secara e-dagang kepada orang ramai, kata Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam.

Beliau berkata, perniagaan itu membabitkan penjualan peta topografi melalui Internet terutama kepada golongan profesional yang memerlukan maklumat terperinci mengenai sesuatu kawasan atau tanah.

"Kalau dulu, peguam yang ingin menentukan tanah yang dimiliki pelanggannya tergadai atau tidak, mereka terpaksa datang ke pejabat Jupem untuk mendapatkannya dan ini mengambil masa yang panjang.

"Namun, kini mereka boleh berbuat demikian atau membeli sesuatu peta melalui internet. Apa yang diperlukan lakukan ialah membuka akaun dengan Jupem dan mendapatkan kod masing-masing," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Sijil MS ISO9002-1994 kepada pasukan petugas yang terlibat dalam proses penyediaan dokumen MS ISO 9000 jabatan berkenaan di sini hari ini.

Jupem secara rasminya dianugerahkan Sijil MS ISO 9002-1994 pada April lalu. Persijilan itu ialah untuk penerbitan peta topografi bagi proses pemetaan yang dilaksanakan di ibu pejabat Jupem dan perkhidmatan ukur kadaster untuk penyediaan dokumen hak milik tanah bagi proses kadaster yang dilaksanakan di Jupem Selangor dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kasitah berkata, sungguhpun perniagaan ini sudah bermula di setiap cawangan negeri, namun majlis pelancarannya akan disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada September atau Oktober ini.

Ditanya mengenai tanah larangan seperti di kawasan tentera atau pihak berkuasa lain, beliau berkata, mereka yang ingin membeli peta berkenaan hendaklah mendapatkan persetujuan pihak berkuasa terlebih dahulu.

"Selalunya, Jupem tidak akan menjual sebarang maklumat peta yang melibatkan kawasan terlarang kerana ini membabitkan keselamatan negara. Jadi, sesiapa yang ingin mendapatkan maklumat mengenainya, perlulah mendapat kelulusan dari pihak berkuasa terlebih dulu," katanya.

(END)